

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 21/06/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional / 22

Tajuk : Kerjasama strategik ANGKASA, IFFCO

## Kerjasama strategik Angkasa, IFFCO

**Kuala Lumpur:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan *The Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited* (IFFCO).

Ia bagi membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada gerakan koperasi di kedua-dua negara khususnya dalam industri pertanian dan asas tani serta perludangan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata, kerjasama itu akan membantu usaha kerajaan memperkasa sektor pertanian, membantu pengusaha pertanian khususnya koperasi serta memastikan kualiti dan hasil pertanian negara seiring dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

“Melalui perjanjian yang dimeterai, secara dasarnya, Angkasa bersetuju mengimpor baja nano (dari India).

“Usaha ini, langkah ke hadapan khususnya dalam memastikan kelestarian alam semula jadi kerana tiada komponen kimia digunakan dalam pembuatan baja nano ini,” katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA